

KERJA PEMASANGAN STRUKTUR GANTRI PAPARAN IKLAN DI KM4.0 KEDUA-DUA ARAH (LALUAN ANTARA PERSIMPANGAN SHAH ALAM DAN SEAFIELD) LEBUHRAYA ELITE

Subang Jaya, 7 Mac 2026:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja pemasangan struktur gantri paparan iklan akan dilaksanakan di KM4.0 kedua-dua arah (Laluan antara Persimpangan Shah Alam dan Seafield) Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE) pada 9 Mac hingga 10 Mac 2026, mulai jam 11.00 malam sehingga 5.00 pagi.

Sehubungan itu, kami menjangkakan akan berlakunya gangguan trafik yang minimum di lokasi semasa kerja-kerja dijalankan.

(Sila rujuk Infografik seperti di lampiran)

Pengguna lebuhraya disarankan supaya merancang perjalanan mereka sepanjang tempoh tersebut. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi PLUS, Pembantu Maya - PUTRI, aplikasi X@plustrafik atau Paparan Mesej Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:


Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	--

LAMPIRAN

KERJA PEMASANGAN STRUKTUR GANTRI PAPARAN IKLAN DI KM4.0 (KEDUA-DUA ARAH) LALUAN ANTARA PERSIMPANGAN SHAH ALAM DAN SEAFIELD DI LEBUHRAYA ELITE

**Dijadualkan pada 9 Mac 2026 hingga 10 Mac 2026
mulai 11.00 malam hingga 5.00 pagi**

Sehubungan itu, sila jangkakan berlakunya gangguan trafik yang minimum di lokasi semasa kerja-kerja dijalankan



Sila patuhi arahan pengawal/papan tanda trafik di lokasi demi keselamatan bersama

Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my

PLUSLine 1800-88-0000

Aplikasi PLUS

PUTRI